

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**SOALAN NO. 211**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar aliran sains dan bilangan pelajar aliran sains sosial yang mendapat PNGK 4.0 di peperiksaan Program diploma di bawah IPTA dari tahun 1990 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun. Nyatakan jumlah pelajar aliran sains dan aliran sain sosial masing-masing.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Data berkaitan keputusan peperiksaan pelajar di universiti awam (UA) disimpan oleh universiti masing-masing. Oleh demikian, dikemukakan maklumbalas daripada empat (4) Universiti Awam (UA) selain UiTM dan UM iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Terengganu, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) seperti berikut :-

**i) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

Berikut dipaparkan jumlah pelajar aliran sains dan pelajar aliran sains sosial di peperiksaan program diploma, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dari tahun 2016 hingga 2018 :

**NO. SOALAN: 211**

<b>GRADUAN DIPLOMA</b>	<b>ALIRAN SAINS</b>	<b>ALIRAN SAINS SOSIAL</b>	<b>JUMLAH GRADUAN</b>
Tahun 2016	106	940	1046
Tahun 2017	85	876	961
Tahun 2018	91	908	999

Walau bagaimanapun, tiada pelajar dari kedua-dua aliran yang memperolehi PNGK 4.0 dari tahun 2016 hingga 2018.

**ii) Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UniMAP hanya menawarkan program diploma dalam aliran sains dan pelajar yang mendapat PNGK 4.00 adalah seperti berikut:

<b>PROGRAM/ TAHUN</b>	<b>2018-S1</b>	<b>2015-S1</b>
R2404-Kejuruteraan Komputer	-	-
R2420-Kejuruteraan Elektrik	-	-
R2423-Kejuruteraan Mekatronik	1	-
R2427-Kejuruteraan Mikroelektronik	-	-
R2432-Kejuruteraan Pembuatan	-	-
R2433-Kejuruteraan Metalurgi	-	1

Jumlah keseluruhan pelajar yang memiliki PNGK 4.00 dari tahun 2006 (program mula ditawarkan) sehingga 2018 adalah seramai dua (2) orang iaitu pada Semester 1 2015 dan Semester 1 2018.

**iii) Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaysia Terengganu hanya mempunyai satu program diploma aliran sains iaitu Diploma Perikanan. Statistik pelajar Program Diploma Perikanan di UMT adalah seperti yang berikut:

## NO. SOALAN: 211

Tahun	Bil. Pelajar	Bil. Pelajar – PNGK 4.0
2007	83	0
2008	116	0
2009	116	0
2010	82	0
2011	86	0
2012	102	0
2013	106	0
2014	119	0
2015	105	0
2016	245	0
2017	129	0
2018	128	0

Secara rumusan, tiada pelajar yang pernah mencapai PNGK 4.0 sepanjang tahun 2007 hingga 2018.

### iv) Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bilangan pelajar aliran sains dan bilangan pelajar aliran sains sosial yang mendapat PNGK 4.0 bagi program Diploma di Universiti Putra Malaysia adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	BIL PELAJAR PNGK 4.0	BIL PELAJAR TAHUN AKHIR
1	2014	0	649
2	2015	0	902
3	2016	0	984
4	2017	0	1130
5	2018	0	1033